

08 JAN 1998

Mahathir-Belanja

MAHATHIR: BOLEH BERBELANJA TAPI BELI BARANG TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan tidak menghalang rakyat yang mempunyai wang berlebihan daripada berbelanja asalkan mereka membeli barangan buatan Malaysia.

Beliau berkata para peniaga mungkin akan mengalami kerugian jika rakyat tidak berbelanja langsung.

"Mesti ada satu persefahaman mengenai perkara ini," kata beliau pada persidangan berita selepas melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu supaya rakyat berbelanja secara berhemat dengan membeli barangan Malaysia.

"Apa yang rakyat perlu lakukan ialah membelanja wang untuk membeli barangan Malaysia di Malaysia," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta pandangan beliau mengenai laporan akhbar bahawa rakyat masih berbelanja secara berlebihan walaupun diminta tidak berbuat demikian berikutan keadaan ekonomi negara sekarang.

Perdana Menteri berkata jika rakyat mempunyai wang yang lebih, mereka boleh membelanjakannya tapi bukan dengan membeli barangan buatan asing.

"Bila pergi beli barang asing, itu yang jadi masalah... Tapi, kalau orang tak berbelanja (langsung), perniagaan akan lingkup," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pada masa yang sama, rakyat akan menghadapi masalah jika mereka berbelanja lebih daripada kemampuan mereka.

Ketika ditanya sama ada kekurangan gula di pasaran seperti yang dilaporkan oleh beberapa akhbar adalah disebabkan oleh pengumuman awal mengenai kenaikan harga gula, Dr Mahathir berkata punca masalah itu ialah laporan akhbar.

Perdana Menteri berkata orang ramai membeli gula dengan banyak selepas membaca laporan dalam akhbar tempatan hampir setiap hari bahawa kebanyakan kedai menghadapi kekurangan gula.

"Hari-hari kita sebut tentang gula ini, dan kita ambil gambar tunjuk tak ada gula dalam kedai, maka semua orang akan bergegas untuk beli gula," kata beliau.

-- BERNAMA

ES NMO